



## **PERBADANAN PEMBANGUNAN EKONOMI SABAH (SEDCO)**

### **POLISI PEMBERIAN SUMBANGAN, TAJAAN DAN TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (CSR)**

#### **PENYATAAN POLISI**

Selaras dengan pelaksanaan Sistem Pengurusan Anti-Rasuah (MS ISO 37001:2016), SEDCO telah mewujudkan Polisi dan Garis Panduan Pemberian Sumbangan, tajaan dan tanggungjawab sosial korporat (CSR) yang bertujuan untuk memberi panduan dan tatacara kepada kakitangan yang mengurusetia dan permohon yang berkaitan atau pihak ketiga.

#### **OBJEKTIF POLISI**

Memberi ruang panduan dan tatacara kepada kakitangan yang mengurusetia dan permohon yang berkaitan atau pihak ketiga dapat dilaksanakan secara lebih fokus, terancang, efisien dan mencapai keberhasilan yang optimum dan sasaran.

#### **SKOP POLISI**

Polisi ini terpakai kepada:

1. Semua kakitangan SEDCO, yang merangkumi Pengurusan Tertinggi SEDCO, Pengurus Bahagian serta Pegawai-Pegawai SEDCO;
2. Semua pembekal atau kontraktor yang sedang atau akan berurusan dengan SEDCO;
3. Pelanggan SEDCO;
4. Orang Awam;
5. Kementerian, Jabatan, Agensi Kerajaan Negeri dan Persekutuan;
6. Sekolah, IPTA, IPTS dan lain – lain Institusi Pengajian dan
7. Badan Korporat, Persatuan dan Kelab Sukan.

Untuk mempertimbangkan sebarang permintaan sumbangan, tajaan dan tanggungjawab sosial korporat (CSR) samada dalam bentuk wang, perkhidmatan atau barangan kepada pihak luar yang bertujuan untuk aktiviti atau program seperti berikut:-

- Kebajikan:
- Pembangunan pendidikan dan pembangunan modal insan:
- Penjagaan kesihatan:
- Kesukanan, kesenian dan kebudayaan dan
- Program dan aktiviti yang lain.

SEDCO tidak akan mempertimbangkan permintaan sumbangan, tajaan dan tanggungjawab sosial korporat (CSR) daripada:

- Parti politik atau apa – apa pertubuhan yang berkaitan politik kepartian:
- Pertubuhan atau organisasi yang bertujuan jenayah dan keganasan:
- Pertubuhan atau organisasi yang didapati mufliis atau disenarai hitam oleh mana – mana Institusi Kewangan dan Bukan Kewangan:
- Pertubuhan atau organisasi yang berasaskan keuntungan:
- Pertubuhan atau organisasi yang berkaitan dengan perjudian, alkohol dan tembakau:
- Permohonan daripada Individu, syarikat, organisasi dan pertubuhan berlandaskan penipuan, penyelewengan dan *scam*: dan
- Permohonan yang tidak relevan dari semasa ke semasa.

## **SKOP POLISI**

Pemohon yang merupakan daripada Kementerian, Jabatan, Agensi daripada Persekutuan dan Negeri, Pertubuhan, Persatuan, Kelab, Organisasi dan Individu perlu mengemukakan:

1. Permohonan RM10,000.00 kebawah

### **Sebelum Program**

- *Salinan kad pengenalan (Individu) / Salinan lesen (Berdaftar contoh:- Syarikat / Pertubuhan ABCD Sdb Bhd berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM):*
- *Surat Permohonan atau proposal*
- *Borang Permohonan Bantuan Kewangan Sumbangan, tajaan dan tanggungjawab sosial korporat (CSR) (Diisi oleh urusetia SEDCO berkaitan)*
- *Permohonan daripada individu / perseorangan tidak dibenarkan.*

### **Selepas Program**

- *Seksyen Perhubungan Awam akan mengemaskini laporan bajet dan kewangan dan diikuti naziran daripada Unit Integriti secara berkala.*

2. Permohonan RM10,000.00 keatas

### **Sebelum Program**

- *Salinan kad pengenalan (Individu) / Salinan lesen (Berdaftar contoh:- Syarikat / Pertubuhan ABCD Sdb Bhd berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM):*
- *Surat Permohonan atau proposal*
- *Borang Permohonan Bantuan Kewangan Sumbangan, tajaan dan tanggungjawab sosial korporat (CSR) (Diisi oleh urusetia SEDCO berkaitan)*

### **Semasa Program (Sekiranya Perlu)**

- *Jawatankuasa Khas SEDCO akan melawat dan membuat laporan lapangan semasa program berikut.*

### **Selepas Program**

- *Menghantar laporan bergambar, resit atau invoice dan dokumen berkaitan.*

## 3. Permohonan RM50,000.00 keatas

### **Sebelum Program**

- *Permohonan perlu dibawa ke Mesyuarat Lembaga Pengarah untuk mendapatkan kelulusan.*
- *Salinan kad pengenalan (Individu) / Salinan lesen (Berdaftar contoh:- Syarikat / Pertubuhan ABCD Sdb Bhd berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM):*
- *Surat Permohonan atau proposal*
- *Borang Permohonan Bantuan Kewangan Sumbangan, tajaan dan tanggungjawab sosial korporat (CSR) (Diisi oleh urusetia SEDCO berkaitan)*


### **Semasa Program (Sekiranya Perlu)**

- *Jawatankuasa Khas SEDCO akan melawat dan membuat laporan lapangan semasa program berikut.*


### **Selepas Program**

- *Menghantar laporan bergambar, resit atau invoice dan dokumen berkaitan.*

**CARTA ALIRAN SUMBANGAN, TAJAAN DAN  
DAN TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (CSR)  
(RM10,000.00 KEBAWAH)**



**CARTA ALIRAN SUMBANGAN, TAJAAN DAN  
DAN TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (CSR)  
(RM10,000.00 KEATAS)**



**CARTA ALIRAN SUMBANGAN, TAJAAN DAN  
DAN TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (CSR)  
(RM50,000.00 KEATAS)**

